

# LAWATAN KERJA KAKITANGAN PENTADBIRAN KE UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Lawatan yang terdiri daripada sepuluh orang (Encik Wan Anor Bin Wan Sulaiman, Puan Winnie Binti Edward Alau, Puan Nurul Fatiha Firdaus Binti Roslan, Puan Christine Julius, Puan Andriana Singong, Puan Amelia Abel Angkui, Encik Musa Bin Usop, Encik Dalton Julious Peter dan Encik Adam Mujat) ini telah diketuai oleh Encik Wan Anor Bin Wan Sulaiman.

Oleh: Encik Adam Mujat

## Lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)- 5/12/13

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan mempunyai enam pusat pengajian. Salah satu daripadanya ialah Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia (PPPPM). Rombongan disambut dan diiring oleh Pengarah PPPPM sendiri iaitu Dr. Nor Saadah Mohamad Aun.



Penyampaian Cenderahati daripada En. Wan Anor (pensyarah pengiring lawatan).

Rombongan diberi kesempatan untuk melawat makmal kaunseling, makmal pembangunan, makmal maya dan makmal eksperimen di sana. Pusat ini menawarkan perkhidmat kaunseling secara percuma kepada masyarakat yang memerlukan. Manakala Bilik Sumber Psikologi di fakulti ini menyediakan penyimpanan tesis pelajar sarjana dan PHD serta alat/inventori psikologi.

## Lawatan ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)- 6/12/13

Rombongan disambut oleh Ketua Jabatan Psikologi Dr. Harris Shah Abd.Hamid. Rombongan lawatan bertuah kerana jabatan ini sedang mengadakan program Psychology Day yang melibatkan pelajar-pelajar dari Jabatan psikologi. Pelaksanaan Hari Psikologi yang dijayakan sepenuhnya oleh pelajar ini mungkin boleh dilaksanakan di peringkat SPKS.



En. Wan Anor bersama 9 staf dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial.

**AKTIVITI SEKOLAH**  
Sekolah Psikologi & Kerja Sosial

## Lawatan kerja ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Sistem fail tersusun



Penyampaian cenderahati daripada UIAM




Ahli Pelajar UIAM



Melawat Makmal Kaunseling



En. Wan Anor dan kakitangan UIAM



Papan Kenyataan (Cadangan)